

# Apa yang Presiden Gereja Ajarkan di Persidangan Umum Oktober 2022

**Mentaati perjanjian dengan Tuhan, melindungi yang tidak bersalah dari penderaan dan mencari kebenaran, kata Presiden Nelson**

“Banyak hal yang menakjubkan sedang dinantikan,” kata Presiden [Russell M. Nelson](#) di penutup [persidangan umum Oktober 2022](#). Dia memberi nasihat berkenaan mengatasi dunia, menegaskan pengutukan penderaan, menggesa Orang Suci Zaman Akhir untuk mencari kebenaran dan mengumumkan 18 bait suci baharu.

## **Mengatasi Dunia dan Mencari Kesejahteraan**

Semasa sesi pagi Ahad, Presiden Nelson daripada Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir berkata kita boleh “mencari kesejahteraan daripada keamatan, ketidakpastian dan penderitaan dunia ini dengan mengatasi dunia melalui perjanjian anda dengan Tuhan.”

“Membuat dan menepati perjanjian sebenarnya menjadikan hidup lebih mudah!” katanya. “Setiap orang yang membuat perjanjian dalam kolam pembaptisan dan di bait suci—dan mentaatinya—telah meningkatkan akses kepada kuasa Yesus Kristus.”

Mengatasi dunia merupakan sebuah proses berterusan, dia ajarkan, melibatkan pengamalan dan menjalani ajaran Kristus berulang kali, menguatkan iman melalui pertaubatan harian, membuat dan mentaati perjanjian dan mengukuhkan kesaksian kita selalu.

Tindakan seperti ini mengubah sifat diri dan membantu kita menjadi orang soleh yang mengasihi Tuhan dan Putera Tunggal-Nya lebih daripada orang atau perkara lain. “Apabila anda membiarkan Tuhan menang dalam hidup anda, saya berjanji kepada anda kedamaian, keyakinan, kebahagiaan, dan ya, kesejahteraan yang lebih besar,” katanya.

Dia menjaminkan Orang Suci walaupun “diserang setiap hari oleh cabaran,”

“banyak hal yang menakjubkan sedang dinantikan. Dalam hari-hari akan datang, kita akan melihat pernyataan kuasa terbesar oleh Juruselamat yang dunia belum pernah saksi. Antara sekarang dan masa Dia kembali ‘dengan kuasa dan kemuliaan yang besar’ (lihat [Joseph Smith—Matius 1:36](#)), Dia akan mengurniakan keistimewaan, berkat, dan mukjizat yang tidak terhitung kepada orang yang beriman.”

[Lihat ucapan penuh.](#)

### **Apa Yang Benar?**

Semasa sesi pagi Sabtu, Presiden Nelson menegaskan ajaran Juruselamat dan pandangan Gereja berkenaan penderaan, yang dia rujuk kepada “dosa yang berat,” dan memohon semua Orang Suci untuk melindungi orang yang tidak bersalah.

Presiden berkata “izinkan saya bercakap dengan jelas: sebarang penganiayaan terhadap wanita, kanak-kanak, atau sesiapa pun adalah suatu kekejian kepada Tuhan,” “Dia berdukacita dan saya berduka apabila sesiapa pun dicerderakan. Dia meratapi dan kita semua meratapi untuk setiap orang yang telah menjadi mangsa penganiayaan. Mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan keji ini tidak hanya bertanggungjawab terhadap undang-undang manusia tetapi juga akan menghadapi kemurkaan Tuhan Yang Maha Kuasa. Presiden Nelson menggesa Orang Suci Zaman Akhir untuk mempelajari maklumat di [laman web Gereja](#), agar menjadi peka terhadap mangsa yang mungkin dalam bahaya dan segera bertindak untuk melindungi mereka,”

Presiden juga memberi amaran mengenai “usaha [musuh] untuk mengaburkan garisan antara apa yang benar dan apa yang salah.”

“Tuhan ialah sumber semua kebenaran,” kata beliau. “Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir menerima semua kebenaran yang Tuhan sampaikan kepada anak-anak-Nya, sama ada dipelajari dalam makmal saintifik atau diterima melalui wahyu langsung dari-Nya.”

Presiden Nelson menutup persidangan dengan jemputan kepada Orang Suci Zaman Akhir untuk “minta Tuhan untuk mengesahkan apa yang anda telah dengar [dalam persidangan ini] adalah benar.”

[Lihat ucapan penuh.](#)

## **Fokus pada Bait Suci**

Sebelum pengumuman 18 lokasi bait suci baru di penutup sesi tengah hari Ahad, Presiden Nelson menunjuk sebahagian daripada siri empat Video Kitab Mormon yang menggambarkan kunjungan Juruselamat kepada orang Nefi di bait suci.

“[Bait suci] adalah rumah-Nya. Ia dipenuhi dengan kuasa-Nya,” kata beliau. Tuhan sedang membawa bait suci lebih dekat supaya dapat “memudahkan setiap orang untuk menjadi halus secara rohani.”

“Saya berjanji bahawa penggunaan masa lebih kerap di bait suci akan memberkati hidup anda dalam cara yang tiada bandingan dengan yang lain,”

[Lihat ucapan penuh.](#)